

EK1
KAPAL MUATAN BERBUKAL MISC TIBA

1976

KUALA LUMPUR, 10 JULAI (BERNAMA BP) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MELAHIRKAN HARAPAN AGAR MALAYSIA DAPAT MEMBERI KHIDMAT PERKAPALAN UNTUK DAGANGAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA TANPA TERLALU BERGANTUNG KEPADA PENGUSAHA PERKAPALAN ASING.

DI DALAM SATU PERUTUSAN BAGI UPACARA PENAMAAN DAN PENGHANTARAN KAPAL KEDUA MUATAN SECARA BERBUKAL PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC) +RIMBA MELATI+ DI LIMBUNGAN KAPAL IMARI DI JEPUN KHAMIS INI, DR. MAHATHIR DI SAMPING MEMBERI PENGHORMATAN KEPADA MALAYSIA DI PERAIRAN ANTARABANGSA.

+RIMBA MELATI+ SEBERAT 27,000 DWT ITU, YANG PERTAMANYA DINAMAKAN MENGIKUT NAMA SEJENIS POKOK MALAYSIA, AKAN DISERTAI OLEH TIGA LAGI KAPAL MUATAN BERBUKAL, +RIMBA RAMIN+, +RIMBA KERUING+, DAN +RIMBA BALAU+ MENJELANG AKHIR TAHUN INI. MEREKA AKAN MEMBERI PERKHIDMATAN BIASA ANTARA MALAYSIA DENGAN EROPAH DAN BRITAIN UNTUK EKSPOT KAYU DAN HASILAN KAYU MALAYSIA.

EMPAT BUAH LAGI KAPAL SERUPA ITU AKAN DITERIMA DALAM TAHUN 1977 BAGI MEMASTIKAN PERKHIDMATAN CEKAP.

DR. MAHATHIR BERKATA MISC, SEBAGAI SYARIKAT KAPAL KEBANGSAAN MALAYSIA, MEMPUNYAI PERANAN PENTING BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN PERKAPALAN NEGARA.

KATANYA, TERDAPAT TANDA-TANDA POSITIF BAHAWA PASARAN KAYU-KAYAN DUNIA SEDANG MENCAPI PEMULIHAN DAN YANG DEMIKIAN MALAYSIA BOLEHLAH MENGHARAPKAN JUMLAH EKSPOT KAYU YANG SEMAKIN MENINGKAT.
-BERNAMA BP 1510/MM